

Soalan No : 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 8.6.2015

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan mengenai manipulasi faktor-faktor sejarah dalam buku-buku teks sejarah di peringkat sekolah menengah. Apakah motif untuk perubahan-perubahan sedemikian dan adakah ini dilakukan atas nasihat pakar-pakar sejarah di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa tidak timbul sebarang manipulasi fakta sejarah dalam buku teks sejarah yang diterbitkan oleh KPM. Fakta sejarah dalam Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah diteliti, disemak dan dikawal mutu kesahihannya oleh satu panel khas iaitu Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah KPM yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Panel ini terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada ahli akademik, universiti dan juga mewakili Persatuan Sejarah Malaysia. Mereka mempunyai pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu sejarah sama ada sejarah negara mahupun sejarah negara luar bagi memastikan semua fakta dapat diterima secara sepakat memandangkan sejarah mempunyai teori dan fakta yang pelbagai dari sumber dan pegangan individu atau pengkaji sejarah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara yang perlu diberi perhatian apabila menerbitkan buku teks iaitu penulisan tidak boleh berlandaskan perspektif sejarah seseorang penulis terutama perkara-perkara yang boleh menimbulkan kekeliruan berkaitan istilah tertentu.

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum dan Buku Teks Sejarah tahun 2012, pada keseluruhannya kandungan buku teks Sejarah yang sedia ada telah dapat mencerminkan dan menterjemahkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah. Jadi adalah diharapkan tidak timbul isu bias atau berlakunya manipulasi terhadap kandungan Buku Teks Sejarah.

RJM64